

KENYATAAN AKHBAR

MCIEA: CIDB GALAKKAN LEBIH BANYAK PENCALONAN ANUGERAH INDIVIDU

Kuala Lumpur, 1 Jan: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengalu-alukan lebih banyak pencalonan, terutama di dalam kategori individu dalam Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan atau The Malaysian Construction Industry Excellence Awards 2016 (MCIEA 2016).

Anugerah-anugerah individu yang ditawarkan adalah Anugerah CEO of the Year, Anugerah Tokoh Terkemuka (Prominent Player Award), dan Anugerah Construction Leading Lady.

Anugerah CEO of the Year adalah untuk memberi pengiktirafan kepada individu yang berjaya memacu, mengurus, mengarah dan membentuk syarikat mereka ke tahap yang lebih tinggi dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri pembinaan negara.

Anugerah Tokoh Terkemuka (Prominent Player Award) ini adalah untuk memberi pengiktirafan kepada individu yang mempunyai ciri-ciri terbaik seorang penggiat industri yang unggul dan telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri pembinaan Malaysia.

Anugerah Construction Leading Lady adalah untuk memberi pengiktirafan kepada individu wanita yang mempunyai ciri-ciri terbaik seorang penggiat industri yang unggul dan telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan industri pembinaan Malaysia.

MCIEA merupakan acara tahunan bagi mengiktiraf penggiat industri pembinaan yang mencapai kecemerlangan di dalam projek pembinaan yang dilaksanakan.

Terdapat enam kategori dan 20 anugerah yang dipertandingkan pada tahun ini, termasuk Anugerah Kontraktor Terbaik (kontraktor G1 hingga G6), Anugerah Projek Terbaik (untuk Projek Infrastruktur dan projek Bangunan), Anugerah Pencapaian

Antarabangsa, Anugerah Khas (Anugerah Keselamatan dan Kesihatan, Anugerah Binaan Hijau, Anugerah IBS dan Anugerah Inovasi) dan Anugerah Tokoh Jurubina (Kontraktor G7).

Tahun lepas, IJM Construction Sdn. Bhd. (IJM) dinobatkan sebagai pemenang utama Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan (MCIEA 2015) menjadikan ia merupakan kali keempat yang diraih syarikat tersebut dalam acara sama pada tahun 2009, 2012 dan 2014.

Sementara, anugerah berprestij individu pula iaitu Tokoh Pembinaan Terkemuka dimenangi Datuk Dr. Ar. Kenneth Yeang iaitu pengasas TR Hamzah and Yeang Sdn. Bhd. manakala Pengarah Urusan MKH Berhad, Tan Sri Eddy Chen dipilih sebagai pemenang Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif Tahunan dan Pengarah Urusan PI Architect, Ar Tan Pei Ing memenangi Anugerah Wanita Pembinaan Terkemuka.

Kesemua penyertaan pada tahun ini, akan dinilai oleh juri-juri professional yang dilantik menganggotai jawatankuasa penilai Anugerah MCIEA 2016.

Justeru, CIDB mengalu-alukan penggiat industri pembinaan yang berminat untuk dicalonkan dalam anugerah berprestij industri pembinaan kali ini supaya menghubungi CIDB Malaysia di talian 03-4047 7016 dan bercakap dengan Pn. Suhana Mohd Said atau 03-4047 7022 (En. Mohd Ikbal Abdullah Sani) atau 03-4047 7021 (Pn. Nurhazwani Hamsani) atau melayari laman web CIDB Malaysia di www.cidb.gov.my untuk maklumat lanjut.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Rakis Santa : rakis@cidb.gov.my 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : noryani@cidb.gov.my 03-4047 7027 / 019-285 6867